

# Rakyat restui Dr. M pindah ke 'Sri Perdana'

KUALA LUMPUR, 16 Julai - Orang ramai termasuk pemimpin-pemimpin pertubuhan politik hari ini merestui Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad supaya berpindah ke kediaman rasmi Perdana Menteri di "Sri Perdana" yang terletak di Bukit Persekutuan, Jalan Damansara di sini selepas Hari Raya Aidilfitri ini.

Mereka sependapat Perdana Menteri sepatutnya menduduki rumah tersebut kerana ia setimpal dengan kedudukan beliau sebagai ketua kerajaan yang berada di kemuncak kejayaan dan disanjung oleh rakyat dalam dan luar negeri.

Bagaimanapun, terdapat pihak-pihak yang masih ragu-ragu tentang jumlah perbelanjaan bagi membina dan membaiki rumah yang dulunya kepunyaan Perbadanan Perlobongan Malaysia (MMC)

Ini kerana, mereka berpendapat dari kenyataan terus terang yang dibuat oleh Datuk Sri Dr. Mahathir dalam wawancara dengan para wartawan sempena genap dua tahun memegang jawatan Perdana Menteri, seolah-olah beliau telah membayangkan tidak bersetuju dengan perbelanjaan untuk projek pembinaan kediaman rasmi Perdana Menteri.

Bagi setengah-

setengah pihak pula menegaskan bahawa soal harga tidak perlu dipersoalkan kerana rancangan itu telah dirangka oleh negara dan 'dunia' menghadapi kemelesetan ekonomi.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir semalam menyatakan dukacita kerana projek pembinaan kediaman rasmi Perdana Menteri Malaysia menelan belanja berjuta-juta ringgit.

Perdana Menteri menyerahkan kepada rakyat memutuskan sama ada beliau layak menduduki rumah itu dan beliau sedia mengikuti kehendak rakyat.

Presiden MIC, Datuk S. Samy Vellu mahu Perdana Menteri menerima hakikat ini dan tidak pula berasa tidak sesuai tinggal di sebuah kediaman yang besar dan mahal.

Beliau yang juga Menteri Kerja Raya berkata, walaupun harga kediaman Perdana Menteri berat atau beribu juta, tetapi harga diri Perdana Menteri sendiri tidak dapat dijual beli.

Timbalan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Lam Thyie pula berkata, satu siasatan perlu dijalankan khususnya bagaimana Jabatan Kerja Raya dapat menetapkan kos perbelanjaan rumah kediaman rasmi itu dan siapa yang meluluskan-

LIHAT MUKA 22

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

## RESTUI DR. M PINDAH

nya.

Katanya, "saya tidak bertujuan untuk mendakikan Perdana Menteri dari tinggal di rumah baru itu, tetapi apa yang menghairankan saya bagaimana kos perbelanjaan itu begitu tinggi dan sebagai seorang pembayar cukai seperti orang lain juga, rakyat sudah tentu ingin tahu tentang perkara itu."

Beliau berpendapat, laungan jimat cermat sepatutnya tidak timbul sekarang kerana sejak pimpinan Allahyarham Tun Razak, Tun Hussein perkara itu telah berkali-kali diulangkan dan sepatutnya pihak-pihak berkenaan menyedarinya sebelum kerja-kerja membaiki dimulakan.

Yang Dipertua PAS, Haji Yusuff Rawa pula merestui kediaman baru Perdana Menteri, tetapi menisfatkannya terlalu mahal.

Beliau berpendapat, pihak-pihak berkenaan sepatutnya berunding dengan Perdana Menteri sendiri sebelum membaiki atau membina semula rumah itu.

Wakil Rakyat Setapak yang juga Timbalan Ketua UMNO bahagian tersebut, Encik Idris Basri berkata, Perdana Menteri layak tinggal di situ kerana ia merupakan kediaman rasmi seorang Perdana Menteri daripada sebuah negara membangun.

"Pada saya soal harga tidak timbul dan Perdana

Menteri mesti diletakkan dalam keadaan selesa dan saya berharap beliau akan berpindah dengan secepat mungkin," ujarnya.

Ketua UMNO bahagian Sungai Siput, Mior Osman Imam Pinawa meminta Datuk Sri Dr. Mahathir tinggal di Sri Perdana kerana rakyat sentiasa meletakkannya di tempat yang paling tinggi sesuai dengan peranan dan kesediaannya memperhambakan diri, memajukan rakyat dan negara ini.

Seorang anggota bomba, Encik Fadzil Dahlan, pula menisfatkan sudah sewajarnya seorang Perdana Menteri seperti Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad tinggal di kediaman rasminya di Sri Perdana memandangkan kedudukannya sebagai seorang ketua kerajaan.

Bagaimanapun, beliau berharap kediaman rasmi Perdana Menteri hendaklah mempunyai ciri-ciri pembinaan tradisional yang boleh menggambarkan corak kebudayaan negara kepada pemimpin-pemimpin luar negeri yang mengunjungi kediaman itu dan juga negara ini. Encik Lim Hock Lai, seorang peniaga, berpendapat sungguhpun kediaman tersebut melibatkan perbelanjaan yang agak besar tetapi ia bukan satu pembaziran kerana semua Perdana Menteri selepas Datuk Sri Dr. Mahathir akan menduduki rumah itu.